

## Keutamaan 10 Hari Pertama Dzul Hijjah

Sesungguhnya termasuk hikmah dan kesempurnaan Allah SWT Dia mengkhususkan sebahagian makhlukNya dengan beberapa keistimewaan. Diantaranya adalah Allah mengkhususkan sebahagian bulan dan hari agar menjadi ladang bagi seorang muslim yang ingin menabur benih amal ibadahnya. Melahirkan semangat baru dalam beramal, sebagai bekal untuk hari akhirat nanti.

Dan para ulama sangat perhatian dalam menulis masalah ini. Diantara mereka ada yang mempunyai karya khusus seperti Fadhailil Auqat oleh Imam Baihaqi, Lathaiful Ma'arif oleh al-Hafidz Ibnu Rajab dan selainnya. Diantara bulan-bulan tersebut adalah Dzul Hijjah, lebih khusus lagi sepuluh hari pertama dan hari Tasyriqnya.

### **Keutamaan 10 Hari Pertama Dzul Hijjah**

Umur manusia seluruhnya adalah musim untuk menjalankan ketaatan dan menuai pahala. Beribadah dan menjalankan ketaatan hingga sakaratul maut. Allah SWT berfirman :

*“Dan beribadahlah kepada Rabbmu sampai datang kepadamu yang diyakini (kematian)”.* (Al-Hijr : 99)

Makna yang diyakini pada ayat diatas adalah kematian. Demikian penafsiran Salim bin Abdillah bin Umar, Mujahid, Hassan, Qatadah, Abdurrahman bin Zaid dan selain mereka. (Tafsir Ibnu Katsir 4/553)

Oleh kerana itu wajib bagi setiap muslim memanfaatkan umur dan waktunya sebaik mungkin. Memperbanyak dan memperbagus ibadah serta amalan hingga maut menjemput, lebih-lebih pada bulan dan hari yang penuh keutamaan. Diantara bulan yang telah Allah beri banyak keutamaan adalah bulan Dzul Hijjah. Allah SWT berfirman :

*“Demi fajar dan malam yang sepuluh”.* (Al-Fajr : 1-2)

Imam Ibnu Rajab berkata :

*“Malam-malam yang sepuluh adalah sepuluh hari Dzul Hijjah. Inilah penafsiran yang benar dari mejoriti ahli tafsir dari kalangan salaf dan selain mereka. Dan*

*penafsiran ini telah shahih pula dari Ibnu Abbas*". (Lathaiful Ma'arif hal 470)

Rasulullah SAW bersabda :

*"Tiada hari-hari yang amalan shalih didalamnya lebih dicintai Allah daripada sepuluh hari pertama bulan Dzul Hijjah". Para shahabat bertanya, "Tidak pula jihad di jalan Allah?" Rasulullah SAW menjawab, "Tidak juga jihad di jalan Allah. Kecuali seorang yang keluar dengan membawa jiwa dan hartanya dan dia tidak kembali setelah itu (mati syahid)". (HR Bukhari 969 dan lain-lain, lafadz diatas oleh Tirmidzi 757).*

Dalam riwayat yang lain Nabi SAW bersabda :

*"Tidak ada amalan yang lebih suci di sisi Allah dan tidak ada yang lebih besar pahalanya daripada kebaikan yang dia kerjakan pada sepuluh hari al-Adha (Dzul Hijjah). (HR Darimi 1/358 dengan sanad yang hasan).*

Ibnu Rajab mengatakan, *"Hadits ini menunjukkan bahawa beramal pada sepuluh hari bulan Dzul Hijjah lebih dicintai di sisi Allah daripada beramal pada hari-hari yang lain tanpa pengecualian. Apabila beramal pada hari-hari itu lebih dicintai Allah maka hal itu lebih utama di sisiNya". (Lathaiful Ma'arif 458)*

Al-Hafidz Ibnu Hajar berkata, *"Keistimewaan sepuluh hari bulan Dzul Hijjah kerana pada bulan ini terkumpul ibadah-ibadah inti, seperti shalat, puasa, shadaqah, haji yang mana hal itu tidak didapati pada bulan yang lainnya". (Fathul Bari 2/593)*

**Amalan Sunnah di Bulan Dzul Hijjah**

### **Puasa**

Disunnahkan puasa sembilan hari pertama pada bulan Dzul Hijjah, kerana puasa termasuk amalan shalih yang dianjurkan pada bulan ini. Ummul Mu'minin Hafshah ra menuturkan : *"Adalah nabi puasa Asyura (tanggal 10 Muharram), sembilan hari pertama bulan Dzul Hijjah, dan tiga hari pada setiap bulan". (HR Nasa'i 2372, Ahmad 5/271, Baihaqi 4/284).*

### **Takbir**

Termasuk amalan shalih pada hari-hari ini adalah memperbanyak takbir, tahlil,

tasbih, istighfar dan doa. Dzikir sangat dianjurkan pada seluruh waktu dan setiap keadaan, kecuali keadaan yang dilarang. Allah SWT berfirman : *“Ingatlah Allah di waktu berdiri di waktu duduk dan di waktu berbaring”*. (An-Nisa : 103)

## **Haji**

Barangsiapa yang menunaikan ibadah haji menurut cara dan tuntunan yang disyariatkan, insya Allah dia termasuk dalam kandungan sabda Nabi yang berbunyi : *“Umrah ke umrah adalah penghapus dosa diantara keduanya. Dan haji mabrur tidak ada balasan baginya kecuali surga”*. (HR Bukhari 1683, Muslim 1349).

Haji mabrur adalah haji yang sesuai dengan tuntunan syarak, menyempurnakan hukum-hukumnya, mengerjakan dengan penuh kesempurnaan dan lepas dari dosa serta terhiasi dengan amalan shalih dan kebaikan. (Fathul Bari 3/382)

## **Memperbanyak**

## **Amal**

## **Shalih**

Termasuk hikmah Allah, Dia menjadikan media beramal tidak hanya pada satu amalan saja. Bagi yang tidak mampu haji, jangan bersedih, kerana disana masih banyak amalan shalih yang pahalanya tetap ranum dan siap dipetik pada bulan ini. Diantara contohnya shalat sunnah, dzikir, shadaqah, berbakti pada orang tua, amar ma'ruf nahi mungkar, menyambung tali persaudaraan, dan berbagai macam amalan lainnya.

Rasulullah

SAW

bersabda

:

*“Barangsiapa yang shalat Shubuh berjamaah kemudian duduk berdzikir hingga terbit matahari, setelah itu dia shalat dua rakaat, maka baginya pahala seperti pahala haji dan umrah.” Perawi berkata: Rasulullah SAW berkata: “Sempurna, sempurna, sempurna”*. (HR Tirmidzi 586. Hadits hasan).

Ini adalah keutamaan yang besar, kebaikan yang banyak, tidak bisa dikiaskan. Sesungguhnya Allah adalah pemberi nikmat, memberi keutamaan sesuai kehendakNya dan kepada siapa saja yang dikehendaki. Tidak ada yang dapat menentang hukumnya dan tidak ada yang dapat menolak keutamaanNya.

## **Berqurban**

Berqurban termasuk amalan yang disunnahkan pada bulan ini. Yaitu pada hari-hari yang telah ditentukan, setelah melakukan shalat Idul Adha sampai akhir hari Tasyriq yaitu 13 Dzul Hijjah.

## Taubat

Taubat adalah kembali kepada Allah dari perkara yang Dia benci secara lahir dan batin menuju perkara yang Dia senangi, menyesali atas dosa yang telah lalu, meninggalkan seketika itu juga dan bertekad untuk tidak mengulangnya kembali.

Maka kewajiban bagi seorang muslim apabila terjatuh dalam dosa dan maksiat untuk segera bertaubat, tidak menunda-nundanya, kerana dia tidak tahu kapan kematian akan menjemput. Dan juga perbuatan jelek biasanya akan mendorong untuk mengerjakan perbuatan jelek yang lain. Apabila berbuat maksiat pada hari dan waktu yang penuh keutamaan, maka dosanya akan besar, sesuai dengan keutamaan waktu dan tempatnya.

## Hari

## Raya

## Qurban

Hari nahr (menyembelih qurban) adalah hari yang agung, kerana dia merupakan hari haji akbar. Dari Ibnu Umar bahawasanya Rasulullah SAW bersabda :

*“Hari haji akbar adalah hari Nahr”.* (HR Abu Daud dan Ibnu Majah).

Dan juga merupakan hari yang utama dalam setahun. Nabi SAW bersabda :

*“Sesungguhnya hari yang paling agung di sisi Allah adalah hari Nahr (menyembelih) kemudian hari qarr.”* (HR Abu Daud 1765).

Imam Ibnu Atsir berkata :

*“Hari Qarr adalah besoknya hari nahr, yaitu sebelas Dzul Hijjah, dinamakan demikian kerana manusia pada tarikh tersebut menetap di Mina”* (an-Nihayah 4/37).

Hari raya qurban lebih utama daripada hari raya idul fitri, kerana hari raya qurban ada pelaksanaan shalat dan menyembelih (Lathaiful Maarif hal 318). Alasan yang lain bahawa hari raya qurban terkumpul padanya keutamaan waktu dan tempat serta sebelumnya hari Arafah dan setelahnya hari tasyriq.

Amalan apa saja yang dianjurkan pada hari ini? Pertama shalat hari raya (Ied), kedua menyembelih qurban.

## Hari-hari

## Tasyriq

Hari tasyriq adalah hari ke-11, 12, dan 13 bulan Dzul Hijjah. Dinamakan hari tasyriq kerana manusia pada hari itu membagi-bagikan sembelihan dan hadiah. Hari Tasyriq merupakan hari yang mempunyai keutamaan. Allah SWT berfirman :

*“Dan berdzikirlah (dengan menyebut) Allah dalam beberapa hari yang berbilang”.* (Al-Baqarah : 203)

Imam al-Qurthubi mengatakan :

*“Tidak ada perselisihan di kalangan ulama bahawa hari yang berbilang pada ayat ini adalah hari-hari Mina yaitu hari tasyriq”.* (Tafsir al-Qurthubi 3/3)

Mengenai hari tasyriq Rasulullah SAW bersabda :

*“Hari tasyriq adalah hari untuk makan, minum dan berdzikir”.* (HR Muslim 1141)

Hadits ini memberikan penjelasan kita dua perkara :

Hari tasyriq adalah hari untuk makan dan minum serta menampakkan kegembiraan. Tidak mengapa mengadakan perkumpulan yang bermanfaat, menghidangkan makanan terutama daging, selama tidak menghamburkan harta.

Bahawa hari ini juga merupakan hari untuk memperbanyak dzikir secara mutlak pada hari-hari tasyriq. Ibnu Umar bertakbir di Mina pada hari-hari tasyriq setiap selesai shalat, ditempat tidurnya, tempat duduk dan di jalan. (Fathul Bari 2/461)

Demikian pula dzikir dan bertakbir ketika menyembelih qurban, dzikir, dan berdoa ketika makan dan minum, kerana hari tasyriq adalah hari makan dan minum. Dzikir ketika melempar jumrah pada setiap kali lemparan bagi para jamaah haji.

Imam Ibnu Rajab berkata: *“Sabda Nabi “Sesungguhnya hari tasyriq adalah hari makan, minum dan dzikrullah”.* Terdapat isyarat bahawa makan dan minum pada hari raya hanyalah untuk membantu berdzikir kepada Allah, dan hal itu merupakan kesempurnaan dalam mensyukuri nikmat, yaitu mensyukuri dengan ketaatan.

Barangsiapa yang memohon pertolongan dengan nikmat Allah untuk mengerjakan

maksiat, maka berarti dia telah mengingkari nikmat Allah. (Lathaiful Ma'arif hal 332).